

AMALAN TERBAIK DALAM PENGGUNAAN MEDIA JARINGAN SOSIAL DI
SEKTOR AWAM

Amalan terbaik yang perlu dipatuhi dalam penggunaan media jaringan sosial di sektor awam adalah seperti berikut:-

(A) PEGAWAI YANG DILANTIK UNTUK BERTANGGUNGJAWAB
MENGENDALIKAN LAMAN WEB JARINGAN SOSIAL AGENSI

- (1) Memastikan kandungan yang dipaparkan tidak bercanggah dengan dasar Kerajaan;
- (2) Menjadikan laman web jaringan sosial sebagai media untuk mempromosi dan memberi publisiti yang berkaitan dengan Kerajaan;
- (3) Memastikan kandungan yang sesuai dan mempunyai kepentingan untuk dimaklumkan kepada orang awam;
- (4) Memastikan kekerapan pengemaskinian maklumat dan ianya relevan dengan agensi;
- (5) Menghapuskan kandungan dan maklumat yang diterima dari orang awam yang tidak relevan dengan aktiviti agensi;
- (6) Memastikan pautan dan kandungan antara laman web jaringan sosial dan laman web hendaklah jelas agar tidak bercanggah;
- (7) Menggunakan logo agensi rasmi di dalam laman web jaringan sosial;
- (8) Menggunakan e-mel rasmi di dalam profil laman web jaringan sosial;
- (9) Menggunakan foto dan/atau video adalah digalakkan bagi menjelaskan mesej yang hendak disampaikan dalam keadaan yang bersesuaian;
- (10) Memasukkan *caption* mengenai foto dan/atau video yang digunakan bagi membantu carian oleh pengguna;
- (11) Menggunakan perkataan hak cipta terpelihara pada semua kandungan foto dan/atau video;
- (12) Menggunakan ayat yang ringkas, padat, tepat dan jelas maksudnya;

- (13) Menyediakan pernyataan penafian (*disclaimer*) terhadap sebarang kerosakan sekiranya dialami oleh pengguna semasa menggunakan laman web jaringan sosial;

(B) PENJAWAT AWAM

- (14) Mencapai laman web jaringan sosial yang hanya berkaitan dengan urusan rasmi agensi pada waktu pejabat;
- (15) Menggunakan ayat yang lengkap dan jelas maksudnya;
- (16) Tidak memaparkan isu-isu sensitif seperti isu agama, politik dan perkauman serta yang berunsur fitnah atau hasutan;
- (17) Tidak memaparkan kenyataan-kenyataan yang boleh menjejaskan imej kerajaan;
- (18) Tidak menggunakan laman web jaringan sosial untuk mengaibkan individu tertentu;

(C) PENTADBIR RANGKAIAN

- (19) Memastikan pengurusan *Content Filtering* sentiasa berfungsi dalam menapis capaian ke laman web jaringan sosial yang tiada kaitan dengan kegunaan rasmi agensi; dan
- (20) Memantau serta menganalisis transaksi capaian pengguna agensi ke atas laman web jaringan sosial luar agar tidak mengganggu prestasi rangkaian di agensi.